

## **BAHAGIAN II**

### **PENDAFTARAN**

#### **3. Pemohonan pendaftaran.**

- (1) Tiap-tiap permohonan pendaftaran sesuatu koperasi hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pendaftar dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual I dan hendaklah ditandatangani menurut subseksyen 6(1) Akta.
- (2) Tiap-tiap permohonan hendaklah disertakan dengan tiga salinan undang-undang kecil yang dicadangkan bagi koperasi itu dan satu salinan minit mesyuarat agung permulaan yang ditandatangani menurut subseksyen 6(2) Akta.
- (3) Jika permohonan atau undang-undang kecil yang dikemukakan itu tidak mematuhi Akta atau Peraturan-Peraturan ini, Ketua Pendaftar boleh memulangkannya kepada pemohon dan mengarahkan apa-apa pengubahan yang perlu dibuat kepadanya.
- (4) Apabila koperasi itu didaftarkan, ketiga-tiga salinan undang-undang kecil koperasi itu hendaklah tandatangani dan dimeterai oleh Ketua Pendaftar, yang satu daripadanya hendaklah dikembalikan kepada koperasi itu berserta dengan perakuan pendaftaran.

#### **4. Maklumat tambahan sebelum pendaftaran.**

Bagi maksud peraturan 3, Ketua Pendaftar boleh meminta pemohon memberi maklumat-maklumat tambahan yang berikut:

- (a) kepentingan ekonomi bakal anggota bagi penubuhan koperasi yang hendak didaftarkan itu;
- (b) dayamaju aktiviti yang hendak dijalankan oleh koperasi itu;
- (c) ada tidaknya modal yang mencukupi bagi mulakan operasi operasi itu; dan
- (d) ada tidaknya orang yang berkebolehan untuk mengarah dan mengurus hal-ehwal koperasi itu menurut undang-undang kecilnya.